

AMARAN PM PATAKOKH PAS YANG GUGAT INIAI

PERDANA MENTERI, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran keras kepada pemimpin-pemimpin PAS yang mencemar agama Islam dan mengulir serta memesonakan kepercayaan orang Islam akan dikenakan tindakan undang-undang bagi menghentikan kegiatan mereka.

"Kerajaan bertanggung jawab memelihara dan melindungi umat Islam di negara ini dari segala ajaran sesat, dan tokoh-tokoh politik yang tamak kuasa tidak dikecualikan dari undang-undang yang akan dikuatkuasakan oleh Kerajaan," kata beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO Malaysia memberi amaran tersebut semasa menyampaikan ucapan dasar beliau di pembukaan

Perhimpunan Agung UMNO Ke-33 di Hotel Hilton di sini pagi ini. Beliau berkata, unsur-unsur yang memecahbelahkan umat Islam berlaku di Malaysia.

Menurutnya, beberapa orang yang berminat di dalam politik telah mencabul keucilan Islam dengan menonjolkan ajaran-ajaran yang bertentangan dengannya.

Katanya, demikianlah kesan kegiatan mereka ini sehingga tergugat akidah beberapa kumpulan orang Islam di sana-sini dan berakumulatif peristiwa sembahyang dua iman, perkuburan berasingan sesama orang Islam, penggunaan simbol parti untuk mayat dan perpecahan masyarakat Islam.

"Perlembagaan negara ini menjadikan kedudukan agama Islam sebagai tanggungjawab Kerajaan. "Apabila keucilan Islam dicemar dan

akidah serta iman orang Islam digugat hasil dari apa yang dilakukan oleh beberapa pemimpin PAS terutamanya di Terengganu, Kerajaan Pusat tidak boleh berdiam diri.

"Saya ingin memberi amaran kepada pemimpin-pemimpin PAS yang suka mencemar agama Islam dan mengulir serta memesonakan kepercayaan orang Islam bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang bagi menghentikan kegiatan mereka," tegas Datuk Seri Dr. Mahathir disambut tepukan gemuruh oleh lebih 5,000 para perwakilan, pemerhati dan dihid-dih jemputan khas.

Perdana Menteri berkata, sebagai satu usaha ke arah kebahagian umat Islam di negara ini dan juga di dunia, Kerajaan telah merancangkan tiga projek besar. Pertama, katanya, ialah Universiti Islam

Antarabangsa yang antara lain bertujuan memberikan tempat kepada sebahagian dari penuntut Islam yang sekarang terpaksa menuntut di negara-negara bukan Islam.

Pelajar-pelajar ini, katanya, terdedah kepada nilai-nilai yang boleh meruntuh akhlak dan keperibadian Islam.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, seperti amalnya di institusi pengajian tinggi di Sepanyol di bawah pemerintahan Islam dulu dan di Baghdad, Universiti Islam Antarabangsa ini akan menerima sekumpulan penuntut bukan Islam supaya dunia bukan Islam dapat memahami falsafah dan peribadi Islam.

yang wujud memperkenalkan sistem yang tidak begitu sesuai dengan agama Islam.

"Dengan penubuhan Bank Islam kita yakin bahawa ekonomi dan ketahanan agama Islam serta umatnya menjadi lebih kukuh.

"Sistem kewangan Islam ini adalah satu alternatif kepada sistem kewangan yang wujud sekarang ini," kata beliau.

Katanya, langkah ketiga yang akan diambil oleh Kerajaan ialah memperkenalkan tamadun Islam di universiti-universiti di Malaysia.

Islam sebagai agama rami negara patut dikenali oleh semua penduduk di negara ini, tambahnya.

"Kita tidak bercadang mengajar asas-asas agama Islam dengan tujuan pengilaman, tetapi untuk memperkenalkan peradaban Islam atau 'Islamic civilisation,'" katanya.



ISTERI Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hassmah (kanan) bersama isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Maria Musa (tengah) serta sebarisan isteri-isteri menteri lain tersenyum riang mendengar hujah jenaka dari para perwakilan di Perhimpunan Agung UMNO, semalam. — Gambar Berita Harian.